



KENYATAAN MEDIA MENTERI DALAM NEGERI DAN MENTERI SUMBER MANUSIA

6 JANUARI 2024

INSIDEN PEKERJA ASING Pengerang: TINDAKAN BERSAMA KSM DAN KDN TERHADAP MAJIKAN

Pada Disember lalu, terdapat liputan di beberapa saluran media mengenai insiden sekumpulan warga asing berjalan beramai-ramai di Pengerang. Dinyatakan warga asing berkenaan berjalan menuju ke Balai Polis Bayu Damai untuk membuat laporan polis berikutan tidak diberikan pekerjaan oleh majikan.

Kementerian Dalam Negeri & Kementerian Sumber Manusia memandang serius perkara ini dan tidak akan berkompromi kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam kes eksploitasi pekerja asing yang membawa kepada amalan buruh paksa dan pemerdagangan orang.

Pada 28 Disember, Kementerian Sumber Manusia telah bertindak dan memanggil majikan yang terlibat untuk satu sesi yang dihadiri oleh Kementerian Dalam Negeri, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Jabatan Perdana Menteri, Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia juga telah bertemu pada 3 Januari 2023 untuk mencari jalan penyelesaian terhadap kes-kes pengabaian dan eksploitasi pekerja asing ini dan merangka penambahbaikan aspek pengurusan pekerja asing demi memastikan isu tersebut dapat ditangani dengan tuntas dan holistik.

Kedua-dua menteri turut memutuskan agar beberapa tindakan jangka masa pendek dan panjang termasuk menambahbaik akta dan dasar yang sedia ada dilaksanakan segera bagi memperkasakan pengurusan pekerja asing dengan fokus terhadap hak dan kebajikan pekerja.

Dalam kes Pengerang ini, tindakan bersama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri adalah seperti berikut:

1. Tindakan terhadap majikan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran ATIPSOM 2007.
2. Tindakan terhadap majikan di bawah Akta Kerja 1955 dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 yang memperuntukkan penalti am yang jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 bagi setiap kesalahan kerana mengabaikan pekerja dari segi bayaran gaji dan tidak menyediakan penginapan kondusif.
3. Pembatalan Surat Kelulusan Bersyarat yang telah dikeluarkan kepada majikan dengan pulangan bayaran levi.
4. Menyenerai hitam majikan dari permohonan penggajian pekerja asing baharu di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955.
5. Menyenerai hitam majikan dari sebarang urusan di Jabatan Imigresen Malaysia termasuk pembaharuan PLKS bagi pekerja sedia ada.
6. Membatalkan kuota pekerja asing majikan yang masih berbaki.
7. Melaksanakan naziran dan inspektorat kepada majikan-majikan yang telah membawa masuk pekerja asing melalui Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing.

Tindakan-tindakan ini diambil bagi memastikan majikan-majikan melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap pekerja asing. Mesyuarat Khas Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing juga akan diadakan pada 16 Januari 2024 khusus untuk membincangkan permasalahan ini dan seterusnya mencadangkan kepada jemaah kabinet status pembekuan permohonan kuota penggajian pekerja asing serta langkah-langkah penambahbaikan tatakelola pengurusan penggajian pekerja asing dalam negara.

Tindakan dan usaha ini adalah selaras dalam memastikan isu berhubung penggajian pekerja asing ditangani tanpa kompromi demi kedaulatan undang-undang negara.

YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
MENTERI DALAM NEGERI

YB STEVEN SIM CHEE KEONG
MENTERI SUMBER MANUSIA